

SOALAN NO: 4

dikomersialkan. Galakan mengenai pembangun kandungan juga turut dibuat menerusi pertandingan dan bengkel-bengkel dan Seminar Mengenai Peluang Pembangunan Kandungan.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan dana baharu memandangkan dana sedia ada telah banyak membantu sektor industri pembangunan kandungan terutamanya dalam aspek pembangunan kemahiran dan peningkatan jumlah kandungan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **12 MAC 2014 (RABU)**
SOALAN : **8**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kesan jangka pendek dan panjang dalam menarik minat rakyat dalam berfikir, memahami dan melaksanakan Sains dalam kehidupan harian mereka setelah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi dilancarkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara atau ringkasnya DSTIN menggariskan hala tuju pelaksanaan Sains, Teknologi dan Inovasi atau ringkasnya STI ke arah mewujudkan sebuah negara maju sains menjelang tahun 2020.

Dasar yang terdiri daripada enam (6) Teras Strategik ini akan direalisasikan menerusi Pelan Tindakannya yang mengandungi pelbagai projek dan aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2020. Menyedari betapa pentingnya pembudayaan dan kesedaran awam terhadap STI dalam pembangunan keseluruhan masyarakat dan negara, ianya telah dimasukkan sebagai salah satu daripada enam (6)

Teras Strategik DSTIN. Dengan tajuk 'Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI,' Teras Strategik ini memberi fokus dalam memupuk budaya STI di semua peringkat masyarakat bagi memajukan budaya pemikiran saintifik, kreatif dan inovatif di kalangan rakyat Malaysia.

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 27 Mac 2013.

- Dasar yang menyeluruh dan penting untuk menyelaras dan menyatukan semua aktiviti dan program berteraskan STI. Ia merupakan satu komponen penting yang harus diterapkan di semua peringkat perancangan dan strategi pembangunan negara masa kini. Selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (STP), DSTIN telah digubal sebagai rangka kerja yang akan memacu pertumbuhan ekonomi negara.
- Rangka kerja DSTIN mengandungi **lima (5) Asas** kukuh iaitu STI Untuk Dasar, Dasar Untuk Menyokong STI, Komitmen Industri Untuk STI, Tadbir Urus STI dan STI Untuk Membentuk Masyarakat Yang Stabil, Aman, Makmur, Bersatu Padu Dan Berdaya Tahan.

Lima (5) Asas kukuh rangka kerja DSTIN ialah:

a) STI untuk Dasar;

Asas ini akan memastikan bahawa STI diurus perdana ke dalam semua perancangan, dasar, strategi, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian di semua peringkat dan dalam semua sektor. STI

merupakan satu komponen utama bagi memacu dan menyokong pelaksanaan program transformasi sosioekonomi. Dengan itu, STI perlu diperkukuhkan agar ia dapat digunakan secara optimum bagi menentukan kejayaan pelaksanaan setiap dasar di Malaysia.

b) Dasar untuk STI;

Bagi menjamin STI boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat, dasar Kerajaan perlu menyokong pembangunan dan kemajuan STI. Dengan itu, dasar berkaitan dengan pemeraksanaan STI negara perlu dimantapkan. Ini termasuklah pengukuhan dari segi hala tuju, mandat, pembangunan institusi, pengurusan modal insan, pembiayaan dan sistem penyampaian.

c) Komitmen Industri Kepada STI;

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal stabil dan berdaya saing, sektor swasta termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu memainkan peranan dengan lebih dinamik dan mantap. Dalam hal ini, DSTIN akan membantu menggerak dan mengukuhkan keupayaan STI semua sektor berkenaan seperti yang ditetapkan oleh ETP. Hubungan dan kerjasama erat di antara sektor awam dan swasta, IPT dan IPA perlu terus disubur dan diperkukuhkan.

d) Tadbir Urus STI;

Satu rangka kerja institusi dan kawal selia yang kukuh adalah penting kepada tadbir urus STI yang cekap dan berkesan. Memandangkan STI merentasi semua kementerian dan jabatan serta melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, maka isu-isu yang berkaitan dengan penyelarasan, kerjasama dan pengharmonian STI

perlu digarap dan diterima pakai oleh semua. DSTIN menyediakan mekanisme terbaik untuk memastikan semua pihak mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik seperti ketelusan, akauntabiliti, integriti, komitmen dan kelestarian pembangunan STI negara. Dalam hubungan ini, Perkhidmatan Awam perlu lebih berinovasi berteraskan kepada prinsip-prinsip tadbir urus tersebut.

e) STI Untuk Membentuk Masyarakat Yang Stabil, Aman, Makmur Bersatu padu dan Berdaya Tahan.

Isu-isu STI juga melibatkan etika kemanusiaan dan kepentingan awam seperti keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Etika ini amat diperlukan untuk membentuk masyarakat yang stabil, aman, bersatu padu dan berdaya tahan. Justeru, DSTIN akan memastikan bahawa aspek etika dan kemanusiaan diambil kira, difahami dan ditangani melalui langkah-langkah bersesuaian yang merentasi pelbagai disiplin dan sektor. Ini akan memupuk dan menjamin pendekatan seimbang dilaksanakan dalam program pembangunan sosioekonomi negara.

Berdasarkan lima (5) Asas tersebut, DSTIN memberikan fokus kepada **enam (6) Teras Strategik** iaitu:

a) Memajukan Bidang-bidang Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik dan Sosial, dan Pengkomersilan (R,D&C);

Malaysia mesti terus berusaha meningkatkan keupayaan untuk menjana, menyebarkan dan memanfaatkan pengetahuan dalam usaha untuk menambah baik aktiviti/program STI. Untuk mencapai ekonomi yang lebih inovatif, sembilan (9) bidang keutamaan dalam

penyelidikan telah dikenal pasti oleh Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK). Bidang-bidang tersebut adalah:

- (i) Kepelembagaan Bio (Biodiversity);
- (ii) Keselamatan Siber (Cyber Security);
- (iii) Jaminan Bekalan Tenaga (Energy Security);
- (iv) Jaminan Makanan (Food Security);
- (v) Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Environment and Climate Change);
- (vi) Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (Medical & Healthcare);
- (vii) Tanaman Ladang dan Komoditi (Plantation Crops & Commodities);
- (viii) Pengangkutan dan Urbanisasi (Transportation & Urbanisation); dan
- (ix) Jaminan Bekalan Air (Water Security).

DSTIN yang dirangka akan memberikan lebih tumpuan kepada langkah-langkah inovatif yang perlu diambil bagi mengeluarkan negara dari perangkap tersebut. Malah negara telah mula dilihat keluar dari kancah berkenaan dengan peningkatan Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita negara di tahap USD10,075, berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun 2012 iaitu USD8,960. Hasrat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dengan GNI per kapita sebanyak USD15,000 dijangka boleh dicapai dua tahun lebih awal daripada sasaran pada tahun 2020.

b) Membangun, Memupuk dan Menggilap Bakat;

Ekonomi berasaskan inovasi yang dinamik bergantung kepada kewujudan kelompok bakat (talent pool) STI sedia ada dan yang boleh digembleng. Sesebuah masyarakat yang mempunyai bakat-bakat STI mampu untuk mencipta dan mengubah idea kepada produk dan proses yang akan meningkatkan kualiti kehidupan semasa. Oleh itu, adalah amat penting negara memiliki kelompok bakat setanding dengan negara-negara maju.

c) Menggiat dan Mencergaskan Industri;

Keupayaan berinovasi di kalangan industri dalam negara perlu diberi perhatian sewajarnya dengan memberi penekanan kepada pembangunan skim dan insentif yang lebih menarik. Kerajaan juga akan memainkan peranan sebagai pemudahcara kepada pembangunan industri. Dalam tempoh jangka panjang, industri perlu membangunkan keupayaan sendiri seperti pengusaha-pengusaha di negara maju tanpa bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan.

d) Transformasi Tadbir Urus STI;

Bagi menjamin pelaksanaan STI yang berkesan dan pembangunan yang mampan, satu rangka kerja serta sistem kawal selia yang cekap dan berkesan perlu dibangunkan. Sehubungan itu, sistem tadbir urus STI sedia ada harus ditambah baik bagi memastikan pelaksanaan dasar dan strategi R,D&C yang lebih berkesan, telus dan bertanggungjawab. DSTIN menjamin bahawa pemantauan dan penguatkuasaan akan dijalankan bagi mengemudi tadbir urus STI. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah menambah baik penyelarasan antara kementerian (inter-ministerial coordination) dan

pendekatan kesertaan (participatory approach) dalam semua bentuk kerjasama.

e) Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI;

Budaya STI adalah penting untuk disemai dan dipupuk di semua peringkat masyarakat. Ini adalah untuk melahirkan masyarakat berfikiran saintifik, kreatif dan inovatif. Proses ini perlu dilaksanakan secara semula jadi dan berterusan dalam kehidupan seharian.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama rakan-rakan strategiknya telah, sedang dan akan terus menerajui serta melaksanakan pelbagai program bagi merangsang dan membudayakan kreativiti dan inovasi. Usaha ini adalah selaras dan bertepatan dengan pengisytiharan “Dekad Inovasi” yang telah dibuat oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 5 November 2012 sempena “World Innovation Forum Kuala Lumpur 2012”. Dekad Inovasi ini bermula dari tahun 2010 di mana Kerajaan telah melancarkan Tahun Kreativiti dan Inovasi Malaysia 2010 atau “Malaysia Inovatif 2010”, diikuti dengan Tahun Penggalakan Sains dan Matematik 2011. Pada tahun 2012, “Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012” (SGI2012) telah dilancarkan.

f) Mengukuhkan Hubungan Strategik Antarabangsa.

Ekonomi dunia sedang mengalami proses globalisasi yang pesat. Ini antara lain telah menyebabkan penyebaran maklumat dan pengetahuan yang lebih pantas, terkini serta meluas. Proses ini juga telah menggalak dan mendorong peningkatan jaringan kerjasama global di samping meningkatkan mobiliti tenaga kerja mahir dan pakar tanpa sempadan termasuklah brain circulation.

Malaysia telah menganggotai pelbagai organisasi dan forum di peringkat serantau dan antarabangsa [seperti Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC), Non-Aligned Movement (NAM), Organisation of Islamic Cooperation (OIC), World Trade Organisation (WTO), World Health Organisation (WHO) dan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)] serta menandatangani pelbagai Perjanjian Persefahaman (MoU) dalam kerjasama S&T dengan negara-negara luar, peringkat dua hala dan pelbagai hala. Melalui hubungan strategik antarabangsa ini, Malaysia harus mendapat manfaat secara optimum dalam kerjasama pembangunan modal insan, pemindahan teknologi dan juga peluang perdagangan. Oleh yang demikian, Malaysia perlu mengeratkan lagi hubungan sedia ada dan membina jaringan baru bersama negara-negara rakan di peringkat serantau dan global.

Pelan Tindakan (Plan of Action) DSTIN untuk Teras Strategik 5: "Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI"

DSTIN direalisasikan menerusi Pelan Tindakan-Pelan Tindakan yang terdiri daripada projek dan aktiviti yang dikenal pasti untuk dilaksanakan. Projek dan aktiviti di bawah Teras Strategik 5: "Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI" adalah seperti berikut:

1. Memperkasakan pusat sains iaitu menaik taraf pusat sains sedia ada serta menubuhkan pusat-pusat sains baharu (termasuk pusat sains di IPTA, Institut Penyelidikan dan seumpamanya).

2. Membangun dan memperkasa modul-modul kesedaran yang lebih berkesan seperti *mobile content* dan *e-Learning*.
3. Melaksanakan Program 'Dekad Inovasi' (2010-2020).

Akhir sekali, kefahaman rakyat dalam ilmu STI yang diperolehi menerusi inisiatif pembudayaan STI ini juga penting kerana ini dapat membantu masyarakat menjadi lebih objektif dan dapat menilai projek/program yang diterajui oleh Kerajaan atau swasta berdasarkan fakta-fakta saintifik.

Sekian, terima kasih.